



Cyberview anjur Bacathon di SK Cyberjaya

CYBERJAYA – Cyberview Sdn Bhd, pemilik dan pemaju hartanah di Cyberjaya, baru-baru ini melancarkan program Bacathon di Sekolah Kebangsaan (SK) Cyberjaya bertujuan menanam minat membaca di kalangan pelajar.

(BARISAN belakang, dari kiri) Pengetua SK Cyberjaya, Abdul Razak Abd. Hamid; Hafidz Hashim dan Ketua Perpustakaan dan Media SK Cyberjaya, Sheikh Abdul Razak Sheikh Alli bersama pelajar menunjukkan sebahagian daripada 1,000 buku yang disumbangkan oleh Cyberview kepada sekolah berkenaan sempena program Bacathon baru-baru ini.

Ini merupakan tahun kedua program ini dianjurkan oleh Cyberview berikutan sambutan menggalakkan bukan sahaja daripada pelajar, tetapi guru dan ibu bapa yang melihat program itu sesuatu yang positif.

Pengarah Urusan Cyberview, Hafidz Hashim berkata, keberkesanan program itu dilihat selepas kejayaan pelajar-pelajar SK Cyberjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

"Kejayaan program Bacathon pada tahun lalu merupakan satu pencapaian besar kepada SK Cyberjaya dan kami amat gembira," ujarnya.

Program tersebut merupakan inisiatif bersama oleh Cyberview, SK Cyberjaya, dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru SK Cyberjaya.

Bacathon Cyberview

CYBERJAYA: Seramai 105 pelajar sekolah rendah dipilih mengikuti program bacaton yang dianjurkan pemilik tanah Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd, dalam usaha membantu meningkatkan budaya membaca di kalangan pelajar di sini baru-baru ini.

Program di Sekolah Kebangsaan Cyberjaya (SKC) itu juga sebagai menyahut seruan Kementerian Pelajaran supaya meningkatkan tahap pembacaan di kalangan pelajar dan menjadikan ia tabiat seharian.

Program berkenaan diadakan selama tiga hari melibatkan pelbagai kegiatan berkaitan dengan pembacaan disediakan penganjur.

Selain Cyberview, program itu mendapat kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru SKC dan unit Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) di Kementrian Pelajaran.

Cyberview memperuntukkan RM10,000 untuk melaksanakan program berkenaan yang digunakan untuk pembelian buku dan kem membaca selama dua minggu.

Antara sasaran utama program berkenaan ialah meningkatkan jumlah buku dibaca seseorang pelajar dan membantu memastikan tabiat itu diamalkan berterusan.

Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd, Hafidz Hashim, berkata program berkenaan berupaya memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan membaca, sekaligus membantu mereka meningkatkan prestasi pelajaran masing-masing.

"Kita pernah mengadakan program ini tahun lalu dan sambutan diterima amat membara-sangkan di samping menerima reaksi yang positif

di kalangan guru dan ibu bapa pelajar.

"Melihat keberkesanan penganjuran program sebelum ini, kita mengambil langkah meneruskan program ini untuk kali kedua bagi menarik minat pelajar terhadap aktiviti pembacaan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing.

"Kita berharap program ini dapat memberi kesedaran kepada mereka mengenai tabiat membaca juga membantu mereka untuk berfikir secara kreatif selaras hasrat syarikat mahu meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan komuniti di sini," katanya.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung seperti bengkel alat muzik, mencari harta karun, membaca paling cepat, pertandingan mewarna, menyanyi, dan pertandingan bercerita.



GURU Besar SKC, Abdul Razak Abdul Hamid (belakang kiri), Hafidz (belakang tengah) dan Ketua Perpustakaan dan Media SKC, Sheikh Abdul Razak Sheikh Alli bersama pelajar yang menyertai Program Bacathon Cyberview.